

15/08/2002

Bendera 80 meter diserahkan kepada PM

ALOR STAR, Rabu - Murid Sekolah Kebangsaan Bukit Payong Pokok Sena, dekat ini, akan menyerahkan bendera sepanjang 80 meter yang dilengkapi tema Hari Kebangsaan sejak 1972 kepada Perdana Menteri.

Tema Hari Kebangsaan sejak 30 tahun lalu itu akan dilakarkan pada 45 Jalur Gemilang yang dicipta pada kain sepanjang 80 meter, sebagai menghargai kemerdekaan negara.

Hasil usaha murid, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pegawai Jabatan Penerangan selama sebulan itu, menyaksikan Jalur Gemilang kini sudah sedia untuk diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, pada 29 Ogos ini.

Guru Besarnya, Zulani Mokhtar berkata, selain menyediakan Jalur Gemilang yang terpanjang bagi rekod sekolah itu, mereka membina kad ucapan gergasi bersaiz 1 x 2 meter yang akan diserahkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata, kad yang ditandatangani semua murid, guru dan kakitangan sekolah itu sebagai menghargai kepimpinan negara yang membawa kemajuan selepas merdeka.

"Program ini juga bertujuan mendapatkan sumbangan orang ramai untuk disalurkan ke dalam tabung PIBG bagi membolehkan pelbagai program pendidikan 400 murid sekolah ini dijalankan.

"Setakat ini, kami mengutip lebih RM3,000 dan berharap lebih ramai memberi sumbangan," katanya, pada majlis pelancaran Jalur Gemilang di sekolah itu, hari ini.